



31 Disember 2014
31 December 2014
P.U. (A) 363

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH FI (PERUBATAN) (KOS PERKHIDMATAN) 2014

FEES (MEDICAL) (COST OF SERVICES) ORDER 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FI 1951

PERINTAH FI (PERUBATAN) (KOS PERKHIDMATAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 dan 10 Akta Fi 1951 [Akta 209], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 31 Disember 2014.

(3) Perintah ini hendaklah terpakai hanya bagi orang asing sahaja.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anggota tiruan atau *prothesis*” ertiannya suatu alat yang digunakan di dalam atau di luar untuk mengembalikan pesakit supaya berada dalam keadaan berfungsi bagi membolehkannya berdikari dalam aktiviti hariannya;

“fi pembedahan” ertiannya suatu fi yang dikenakan ke atas mana-mana pesakit yang memerlukan apa-apa pembedahan bagi rawatan atau maksud-maksud diagnostik;

“fi pergigian” ertiannya suatu fi yang dikenakan bagi apa-apa rawatan pergigian;

“fi rawatan” ertiannya suatu fi yang dikenakan bagi layanan perubatan, keselesaan perubatan, ubat, pembalut dan lain-lain perkhidmatan yang diberikan kepada mana-mana pesakit yang dirawat di mana-mana hospital;

"fi siasatan" ertinya suatu fi yang dikenakan ke atas apa-apa prosedur yang merupakan satu bantuan kepada diagnosis selain daripada perkara-perkara yang diliputi oleh fi pembedahan;

"fi wad" ertinya suatu fi yang dikenakan bagi diet dan tempat tidur;

"hospital" ertinya mana-mana hospital Kerajaan meliputi mana-mana hospital pengajaran sesuatu universiti, klinik Kerajaan dan mana-mana Institusi Perubatan Persekutuan yang lain;

"Institusi Perubatan Persekutuan" ertinya mana-mana hospital dan institusi perubatan yang diisytiharkan oleh Kerajaan sebagai suatu Institusi Perubatan Persekutuan;

"jagaan harian" ertinya penjagaan pesakit yang dimasukkan ke unit rawatan harian di hospital atau pusat rawatan khas, bagi tempoh kurang daripada dua puluh empat jam atas rujukan oleh pegawai perubatan bagi prosedur perubatan termasuk bagi tujuan pencegahan, penyiasatan, terapi dan rehabilitasi;

"Kementerian" ertinya Kementerian Kesihatan;

"Ketua Setiausaha" ertinya Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan;

"orang asing" ertinya seseorang yang bukan warganegara Malaysia tetapi tidak termasuk—

(a) seseorang yang bukan warganegara yang memegang suatu kad pengenalan yang dikeluarkan di bawah perenggan 5(3)(b) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 [P.U. (A) 472/1990]; atau

- (b) pasangan isteri atau suami yang bukan warganegara kepada warganegara Malaysia;

“pakar” ertinya seseorang yang dilantik di bawah Perintah-perintah Am Bab F Perubatan Tahun 1974;

“pegawai perubatan” ertinya seseorang pengamal perubatan berdaftar atau pengamal pergigian berdaftar yang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia.

Fi pesakit luar

3. Fi bagi perkhidmatan yang diberikan di Jabatan Pesakit Luar, selain daripada fi pergigian hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan hendaklah dikenakan di—

(a) hospital besar;

(b) hospital daerah;

(c) poliklinik; dan

(d) mana-mana tempat lain yang boleh dinyatakan oleh Menteri Kesihatan bagi maksud perenggan ini.

Fi wad

4. (1) Fi wad hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Bagi maksud pengiraan fi wad—

(a) hari kemasukan hendaklah dikira sebagai satu hari genap; dan

(b) hari keluar hendaklah dikira sebagai satu hari genap jika ia melebihi dua belas jam.

(3) Jika pada pendapat pegawai perubatan, adalah perlu bagi ibu atau bapa menemani anaknya, dia hendaklah tertakluk kepada fi wad separuh daripada kadar yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Fi rawatan

5. Fi rawatan hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Fi siasatan

6. (1) Fi siasatan hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

(2) Jika suatu siri x-ray diambil untuk membantu membetulkan aturan suatu retakan, hanya satu fi mengikut kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Keempat boleh dikenakan bagi retakan itu.

(3) Sekiranya pemeriksaan radiologi ulangan dijalankan selepas pemeriksaan dalam subperenggan (2), fi berasingan hendaklah dikenakan bagi tiap-tiap pemeriksaan itu.

Fi makmal

7. Fi makmal hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima.

Fi pembedahan

8. Fi pembedahan hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keenam.

Fi pergigian

9. Fi pergigian hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian 9 Jadual Ketiga.

Fi anggota tiruan atau *prothesis*

10. Fi bagi anggota tiruan atau *prosthesis* hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian 10 Jadual Ketiga.